

**PENGURUSAN PROGRAM LATIHAN MENGAJAR YANG SISTEMATIK
DAN EFISIEN :
SATU TINJAUAN DI KUITTHO**

SYAMSUL AFFANDI BIN MUSTAPHA
Sarjana Muda (Kepujian) Perakaunan, UUM
Diploma Akauntansi, Politeknik Kota Bharu

Laporan Projek Sarjana ini dikemukakan
Sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Sarjana Pendidikan Teknik & Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik & Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER 2002

DEDIKASI

Buat Yang Tersayang ;
“Ma” Rohani Binti Mat
“Abah” Mustapha Bin Deraman

Tunang Yang DiSayangi ;
“Ja” Maniza Binti Mustafa

Adik - Adik Yang DiKasihi ;
Fatin, Remy, Rodhy, Syikin, Rusly, dan Zainy

Kakak Yang Tidak Pernah Ku Kenali ;
Noor Asyikin

Yang Selalu Ambil Tahu ;
Kaum Keluarga Yang Jauh Dan Dekat

Yang Sentiasa Dihormati ;
Pensyarah - Pensyarah Dan Guru - Guruku

Serta ;
Semua Sahabat, Kawan Dan Rakan Yang Pernah KuKenali

***Semoga Segala Jasa, Budi, Bakti dan Pengorbanan Kalian
Diberkati dan Dirahmati Allah S.W.T***

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya kehadiran Allah dengan limpah kurniaNya kerana berjaya menyiapkan penulisan Projek Sarjana ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia saya iaitu Encik Asri Bin Haji Selamat kerana telah memberikan tunjuk ajar dan bimbingan yang bersungguh-sungguh. Segala bimbingan dan nasihat yang diberikan tidak akan disia-siakan. Semoga Allah akan memberkati segala usaha dan kerjasama beliau.

Di samping itu, tidak ketinggalan kepada rakan seperjuangan iaitu Saudara Zulhazri Bin Harun kerana telah bersama-sama menjalankan kajian ini. Gandingan kita untuk menjalankan kajian ini akhirnya berjaya juga. Terima kasih saya ucapkan. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan serumah yang telah banyak memberikan buah fikiran dan pandangan.

Terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberikan bantuan dan sokongan. Terutama kepada sahabat “sejati” yang telah banyak berkorban masa dan tenaga.

Usaha dan kerjasama kalian, penulis ucapkan ribuan terima kasih dan semoga Allah S.W.T. memberkati sumbangan kalian.

Sekian.

Syamsul Affandi Mustapha
SEPTEMBER, 2002.

ABSTRAK

Program Latihan Mengajar merupakan satu komponen penting dalam pendidikan perguruan bagi melahirkan bakal-bakal pendidik yang terlatih dan berwibawa. Kajian “Pengurusan Latihan Mengajar Yang Sistematis Dan Efisien : Satu Tinjauan Di KUiTTHO” adalah bertujuan untuk meninjau dan mendapatkan maklum balas pelajar-pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional semester 2 terhadap Pembangunan penyampaian maklumat bagi Program Latihan Mengajar. Persoalan serta permasalahan yang timbul adalah daripada sistem pengurusan bagi program ini yang tidak efisien dan sistematis. Kajian melibatkan pengedaran borang soal selidik kepada seramai 30 orang pelajar Sarjana Pendidikan Teknik & Vokasional semester 2. Perisian SPSS digunakan dalam pemprosesan dan penganalisaan data bagi memperolehi kekerapan peratus dan min (purata skor). Hasil kajian ini, responden memberikan maklum balas yang begitu baik terhadap produk (Manual Program Latihan Mengajar) yang dibina. Namun begitu, beberapa aspek yang perlu diperbaiki dan dikemaskini lagi bagi menjamin keberkesannya.

ABSTRACT

Practical Teaching Programme is one of the most important component in teachers training to produce highly skilled and competent lecturers. This research is about “Systematic & Efficient Management of Practical Teaching Programme : A Research In KUiTTHO”. The purpose of this research is to get feedbacks from second semester students of Master In Education (Technical & Vocational), regarding the development of a given information for Practical Teaching Programme. The problem and confusion faced by students who are doing Practical Teaching Programme arises from inefficient management of information . Data gathering for this research was conducted by distributing questionnaires to 30 respondents who are second semester, Master In Education (Technical & Vocational) students. Data analysis was done by using SPSS, in which data frequency, percentage and mean was obtained. The overall result shows a positive response to create the product (Manual’s of Practical Teaching Program). Nevertheless, nothing is perfect, therefore researchers suggest that there should be a review panel to highlight the weaknesses of the manual to ensure the continuous effectiveness of Practical Teaching Programme.

ISI KANDUNGAN

TOPIK

MUKASURAT

BAB 1 : PENDAHULUAN

1 - 7

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	2
1.3 Penyataan Masalah	4
1.4 Permasalahan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	5
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.7 Skop Kajian	10

BAB 2 : SOROTAN KAJIAN

11 - 25

2.1 Pengenalan	11
2.2 Matlamat Dan Kepentingan Latihan Mengajar	12
2.3 Pengajaran	14
2.4 Pembelajaran	15
2.5 Perancangan Pengajaran Dan Pembelajaran	17
2.6 Perlaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran	19
2.7 Bimbingan Dan Penyeliaan	22

2.8	Penempatan	23
2.9	Pengajaran Modul Dan Manual	24
2.10	Ciri-ciri Manual Yang Efektif	25
BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN		26 – 38
3.1	Pengenalan	26
3.2	Rekabentuk Kajian	26
3.2.1	Justifikasi Pemilihan Rekabentuk	27
3.3	Sumber Data	27
3.3.1	Data Primer	27
3.3.2	Data Skunder	28
3.4	Responden / Sumber Data	28
3.5	Kaedah Dan Justifikasi Pemilihan Sampel	29
3.6	Instrumentasi Dan Justifikasi Pemilihan Instrumen	29
3.6.1	Bahagian Soal Selidik	30
3.7	Cadangan Atau Komen	31
3.8	Proses Mendapatkan Data	33
3.9	Kaedah Analisa Data	34
3.9.1	Peratusan	34
3.9.2	Purata Skor	35
3.10	Kajian Rintis	36
3.11	Batasan Kajian	37
3.12	Andaian	38
BAB 4 : REKABENTUK & PEMBANGUNAN PRODUK		39 - 48
4.1	Pengenalan	39
4.2	Latarbelakang Teori Penghasilan Produk	40

4.2.1 Metadologi Dan Paradigma	40
4.2.2 Kaedah Dan Teknik	41
4.3 Justifikasi Pemilihan Metodologi	41
4.3.1 Kronologi Pembinaan Produk	42
4.4 Perancangan Pembangunan Manual Program Latihan Mengajar	43
4.4.1 Fasa Analisa Keperluan Manual Program Latihan Mengajar	43
4.4.2 Fasa Merekabentuk Manual Program Latihan Mengajar	44
4.4.2.1 Permasalahan Dalam Pembinaan Produk	45
4.4.2.2 Bahan, Kos Dan Masa Membina Produk	45
4.4.3 Fasa Dokumentasi Produk	46
4.5 Penilaian dan Bimbingan Produk	46
4.5.1 Pemilihan Dan Pembinaan Instrument Untuk Menilai Produk	47
4.5.2 Pemilihan Sampel Kajian Yang Akan Menilai Produk	47
4.5.3 Cadangan Pembaikan	48

BAB 5 : ANALISA DATA DAN KEPUTUSAN 49 – 67

5.1 Pengenalan	49
5.2 Analisa Data Kajian	50
5.3 Analisis Bahagian I : Berkaitan Biodata Responden	50
5.3.1 Jantina	50
5.3.2 Kumpulan Umur	51
5.3.3 Status Perkahwinan	52
5.3.4 Pengalaman Mengajar	53
5.3.5 Kursus Pengajian Di Peringkat Ijazah Pertama	54
5.4 Analisis Bahagian II (A) : Keperluan Manual Program Latihan Mengajar (Peratusan)	55
5.5 Analisis Bahagian II (A) : (Purata Skor)	58
5.6 Analisis Bahagian II (B) : Bentuk Maklumat Yang Sesuai Bagi Program	

	Latihan Mengajar (Peratusan)	60
5.7	Bahagian II (B) : Bentuk Maklumat Yang Sesuai Bagi Program Latihan Mengajar (Purata Skor)	63
5.8	Bahagian II (C) : Maklum Balas Mengenai Manual Yang DiBina (Peratusan)	64
5.9	Bahagian II (C) : Maklum Balas Mengenai Manual Yang DiBina (Purata Skor)	66
5.10	Bahagian III : Cadangan Dan Komen	67

BAB 6 : KESIMPULAN DAN CADANGAN

68 - 71

6.1	Pengenalan	68
6.2	Perbincangan	68
6.3	Kesimpulan	70
6.4	Cadangan	71

RUJUKAN

72

LAMPIRAN

Lampiran A

Lampiran B

Lampiran C

Lampiran D

SENARAI RAJAH

NO. JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
2.1	Peringkat Pembelajaran	16
3.1	Kaedah Peratusan Kekekapan	35
4.1	Kronologi Pembinaan Produk	42
5.1	Peratusan Responden Mengikut Jantina	51
5.2	Peratusan Responden Mengikut Kumpulan Umur	52
5.3	Peratusan Responden Mengikut Status Perkahwinan	53
5.4	Peratusan Responden Mengikut Kursus Ijazah Pertama	54



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
3.1	Bahagian Soalan Kajian	31
3.2	Skala Likert	32
3.3	Analisa Skala Likert	36
3.4	Analisa Kajian Rintis	37
5.1	Peratus Responden Berdasarkan Pengalaman Mengajar	53
5.2	Keperluan Manual Pengurusan Latihan Mengajar Mengikut Peratusan	56
5.3	Keperluan Manual Pengurusan Latihan Mengajar Mengikut Purata Skor	58
5.4	Bentuk Maklumat Yang Sesuai Mengikut Peratusan	59
5.5	Bentuk Maklumat Yang Sesuai Mengikut Purata Skor	62
5.6	Maklumat Balas Mengenai Manual Yang DiBina Mengikut Peratusan	63
5.7	Maklum Balas Mengenai Manual Yang DiBina Mengikut Purata Skor	65

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKASURAT
A	Borang Kajian Rintis	75
B	Borang Soal Selidik	76
C	Manual Program Latihan Mengajar	80
D	Data Output “SPSS”	



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB

SATU



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) telah dinaikkan taraf daripada institut kepada kolej universiti berdasarkan usaha yang telah dilakukan oleh kakitangannya selama ini. Pengiktirafan ini memberikan satu lembaran baru kepada KUiTTHO untuk meningkatkan lagi peranannya sebagai sebuah Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia. Sehingga kini KUiTTHO telah mengeluarkan ramai graduan yang bertaraf profesional dan separa profesional dalam bidang teknik dan vokasional. Sekarang KUiTTHO dalam misi mengeluarkan tenaga pengajar yang berpengetahuan dan mahir dalam pelbagai bidang teknik dan vokasional untuk memenuhi keperluan profesyen pendidikan sebagaimana yang disarankan oleh kerajaan.

Sebagai sebuah institusi yang terlibat dalam program pendidikan, KUiTTHO beriltizam terhadap kecemerlangan dalam pendidikan untuk menghasilkan para pendidik yang berilmu, berketerampilan, kreatif, berdisiplin dan dapat menyesuaikan diri dalam semua keadaan di samping memberi khidmat yang terbaik kepada masyarakat dan seterusnya kepada negara amnya.

Bagi memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional, para pelajar bukan sahaja diwajibkan mendapat kelulusan yang cemerlang dalam akademik malahan telah diwajibkan untuk menjalani latihan mengajar selama 12 minggu bagi memberi peluang untuk bakal pensyarah atau guru ini menimba pengalaman mengajar sebelum meneruskan tugas mereka kelak.

1.2 Latar Belakang Masalah

Dalam profesyen pendidikan, para pendidik telah diterapkan dengan ilmu-ilmu khusus dalam usaha melahirkan generasi yang berilmu. Oleh itu bakal-bakal pendidik diwajibkan menjalani latihan mengajar bagi memperlengkapkan diri mereka sebelum dilantik sebagai jawatan tetap nanti. Begitu juga dengan bakal pensyarah politeknik yang dilahirkan oleh KUiTTTHO.

Dalam pada masa yang sama juga pihak Kementerian Pendidikan dan pentadbiran politeknik haruslah menyediakan satu prosedur yang sistematik dan perancangan yang rapi agar kehadiran mereka untuk menjalani latihan mengajar di politeknik sebagai pensyarah dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya. Banyak rungutan dan permasalahan yang timbul daripada kalangan pelajar sebelum ini. Antara masalah yang menjadi rungutan pelajar adalah seperti masalah penempatan, tiada petunjuk yang lengkap terhadap Program Latihan Mengajar, tiada tempat untuk mengadu masalah atau tempat merujuk bila timbulnya masalah, terputus komunikasi dengan pensyarah penyelia, lewat menerima maklumat yang penting daripada pihak KUiTTTHO dan sebagainya. Biasanya para pensyarah penyelia telah diberi pendedahan tentang prosedur Program Latihan Mengajar ini. Tugas mereka adalah mengawal dan memberi tunjuk ajar sehinggalah pelajar di bawah penyeliaan mereka menamatkan sesi latihan mengajar itu.

Segala jadual perjalanan hendaklah diaturkan dengan teliti dan setiap perkara yang sepatutnya dilakukan oleh pelatih tersebut hendaklah disertakan dengan borang agar setiap perkara yang telah dilaksanakan ada buktinya. Pengisian borang-borang ini juga berfungsi sebagai langkah peringatan terhadap pelatih tentang apa yang seharusnya dilakukannya. Pengisian borang tersebut juga akan memudahkan lagi kerja-kerja penilaian yang dinilai oleh penyelia mereka. Ini memerlukan perancangan yang rapi dan teliti agar objektif sebenar Program Latihan Mengajar tercapai. Banyak masalah yang timbul jika pengurusan yang efisien tidak diamalkan.

Mengikut Sharpe (1970), pelatih memulakan latihan mengajar dengan perasaan tidak selamat dan ketakutan. Perasaan ini mungkin timbul kerana mereka berjauhan dengan penyelia latihan mengajar mereka menyebabkan merasa risau tentang bagaimana untuk menghubungi penyelia mereka jika adanya masalah yang timbul kelak. Namun begitu menurut dapatan kajian yang telah dijalankan, hasil dan aktiviti latihan mengajar ini dikatakan tidak mencapai objektif sebenar seperti yang diharapkan kerana pelatih tidak menghubungi penyelia mereka untuk melaporkan tentang apa yang telah dipelajarinya.

Walau bagaimanapun, kerja penyeliaan juga menghadapi masalah. Menurut Acheson (1968) di dalam Sharpe (1970), pelatih memang tidak suka diselia walaupun penyeliaan itu di anggap sebagai aktiviti yang penting dalam latihan mengajar. Ada juga segelintir pelatih yang memberi reaksi yang tidak baik terhadap penyeliaan. Tetapi sebenarnya pelatih bukan tidak suka kepada penyeliaan, tetapi tidak suka kepada cara penyeliaan itu dibuat. Mungkin juga penyeliaan membuatkan mereka rasa tertekan dan takut kerana pemeriksaan ini dibuat secara individu. Walau bagaimanapun perkara sebegini mungkin timbul akibat daripada sistem pengurusan Program Latihan Mengajar itu sendiri yang tidak menepati keperluan dan kehendak para pelatih.

1.3 Penyataan Masalah

Latihan mengajar yang dibuat oleh pelajar sarjana pendidikan lepasan KUiTTHO adalah bertujuan untuk menguji segala teori dan amalan yang dipelajari sepanjang proses pembelajaran mereka supaya dapat diaplikasikan sepenuhnya dalam pengajaran nanti. Latihan mengajar ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan pengalaman agar mereka dapat membiasakan diri pada masa permulaan pengajaran nanti.

Dalam proses ini mungkin terdapat beberapa masalah yang timbul seperti penempatan di politeknik, perhubungan antara pelatih dengan penyelia mereka jika timbulnya permasalahan dan sebagainya. Dengan adanya pengurusan latihan mengajar yang sistematik dan efisien akan melancarkan lagi proses latihan mengajar ini. Ia juga bertujuan menjadikan latihan mengajar lebih sistematik dengan perekodan maklumat-maklumat yang lengkap agar senang dihubungi jika berlaku sebarang kecemasan.

Kajian ini dibuat adalah untuk memenuhi keperluan samada keperluan pelajar yang menjalani Program Latihan Mengajar mahupun keperluan pensyarah penyelia. Dengan mengeluarkan sebuah “Manual Program Latihan Mengajar” yang lengkap dengan keperluan kedua-dua pihak ini akan dapat menjadikan Program Latihan Mengajar berjalan dengan lancar dan sistematik. Segala prosedur-prosedur yang dikaji dan dibangunkan adalah untuk melicinkan perjalanan supaya dapat mencapai objektif sebenarnya.

1.4 Permasalahan Kajian

Berdasarkan kajian yang dilakukan ini, pengkaji telah mengemukakan beberapa persoalan bagi menjawab pernyataan masalah tersebut.

- 1.4.1 Adakah pengurusan Program Latihan Mengajar di KUiTTHO berkesan dan efisien sebagaimana objektifnya?
- 1.4.2 Apakah bentuk maklumat yang paling sesuai untuk memastikan Program Latihan Mengajar di KUiTTHO berkesan?
- 1.4.3 Adakah dengan membuat satu Manual Program Latihan Mengajar dapat memenuhi keperluan kedua-dua pihak iaitu pelatih dan pensyarah penyelia?

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk menghasilkan satu manual Program Latihan Mengajar yang lengkap untuk dijadikan sebagai panduan bagi kegunaan pelajar-pelajar yang akan menjalani latihan mengajar dan juga pensyarah penyelia di KUiTTHO.

Diharapkan dengan kajian ini akan dapat mempertingkatkan lagi sistem pengurusan latihan mengajar dengan lebih sistematik dan efisien dan menjadikan latihan mengajar ini benar-benar mencapai objektifnya.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini melibatkan populasi pelajar-pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional semester kedua iaitu seramai 140 orang. Kajian ini juga melibatkan penyediaan dokumen-dokumen dan borang-borang yang berkaitan, perhubungan pensyarah penyelia dengan tempat-tempat latihan mengajar, peraturan Program Latihan Mengajar, tatacara penulisan buku latihan mengajar, tatasusila yang perlu diikuti dan sebagainya iaitu bermula daripada permulaan penempatan pelajar di tempat-tempat latihan mengajar (Politeknik, Kolej Komuniti & Sekolah Teknik) sehinggalah latihan mengajar itu selesai dijalankan.

Masalah yang mungkin wujud adalah perhubungan antara pensyarah penyelia dengan pelajar tersebut ketika menjalani latihan mengajar. Pengawasan penyelia hanyalah dari jauh dan mungkin ini tidak akan menggambarkan prestasi sebenar pelajar tersebut semasa mengikuti Program Latihan Mengajar. Ini akan menjejaskan ketepatan analisis atau penilaian yang dibuat oleh pensyarah penyelia.

1.6.1 Definisi Istilah

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa istilah yang penting bagi menerangkan dengan lebih terperinci mengenai kajian ini. Berikut adalah beberapa istilah yang digunakan :

1.6.2 Pengurusan

Dalam konteks kajian ini ia merupakan arahan dan kawalan terhadap sesuatu program atau aktiviti yang dijalankan. Denyer (1977) dalam Norsiah Ahmad (1998), menyatakan pengurusan ialah proses mengarah dan mengawal sesuatu institusi yang melibatkan perancangan dan pengarah terhadap tugas-tugas kakitangan. Ia juga merupakan arahan dan kawalan kepada 4 faktor iaitu manusia, kewangan, bahan mentah dan alatan.

Theirauf et al. (1997) dalam Norsiah Ahmad (1998), menyatakan pengurusan sebagai satu proses menempatkan input organisasi melalui perancangan, pengelolaan, pengarah dan pengawalan bagi menghasilkan output (barangan dan perkhidmatan) yang diinginkan oleh pelanggan supaya matlamat organisasi tercapai.

Mengikut Oxford Advanced Learner's Dictionary dalam Norsiah Ahmad (1998), pengurusan bermaksud proses mengawal dan juga membuat keputusan sesuatu organisasi. Menurut Brech (1957) dalam Norsiah Ahmad (1998), pengurusan adalah sebagai satu proses sosial yang menentukan tanggungjawab untuk kecekapan atau keberkesanan perancangan dan perjalanan pergerakan-pergerakan perusahaan. Penglibatan tanggungjawab yang dimaksudkan di atas adalah seperti berikut ;

1. Memberi kuasa dan menjaganya serta menetapkan kaedah-kaedah bagi menentukan segala rancangan tidak terbantut, malah berjalan dengan baik.
2. Menyatupadukan, memandu dan mengelola kakitangan yang merupakan "tenaga" dalam perusahaan tersebut.

Pengurusan juga dapat ditakrifkan dengan lebih mudah sebagai satu aktiviti perancangan, pergerakan atau paduan oleh sesuatu perusahaan atau organisasi berhubung dengan segala kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, tanggungjawab dan tugas kakitangannya.

Peter Druker dalam Norsiah Ahmad (1998) melihat pengurusan sebagai fungsi-fungsi kepimpinan dalam membuat dan mengambil keputusan kerana ia adalah satu proses terhadap peranan membuat keputusan yang relevan kepada sesuatu organisasi secara menyeluruh. Membuat keputusan dan komunikasi adalah dianggap sebagai nadi penggerak sesebuah organisasi pada masa kini dan ianya perlulah dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Manakala menurut Henry Fayol (1949) dalam Norsiah Ahmad (1998), menganalisiskan proses pengurusan adalah dibahagikan kepada 6 kelompok :

1. Aktiviti Teknikal.
2. Aktiviti Perdagangan.
3. Aktiviti Kewangan.
4. Aktiviti Keselamatan.
5. Aktiviti Perakaunan.
6. Pengurusan.

Secara umumnya pengurusan merupakan segala langkah pergerakan perancangan sesuatu kerja yang bermula daripada langkah awal sehinggalah kerja atau projek tersebut siap sepenuhnya. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa pengurusan yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah segala proses pengawalan terhadap Program Latihan Mengajar agar berjalan dengan lancar, sistematik dan efisien serta dapat memenuhi objektif Program Latihan Mengajar KUiTTHO.

1.6.3 Latihan Mengajar

Latihan mengajar bagi bakal guru adalah suatu pendidikan awal dalam kehidupan seseorang pendidik. Pengetahuan akademik yang ada pada setiap individu itu belum mencukupi untuk menjadi seorang pendidik. Pengetahuan dan amalan praktikal dalam pengajaran dan pembelajaran adalah satu alat yang penting untuk menentukan

kejayaan seseorang guru. Dalam proses pengajaran, guru menyampaikan ilmu yang tersimpan di dada mereka kepada pelajar-pelajar.

Manakala menurut Abdul Raof dan T. Sumbaran (1991), latihan mengajar adalah satu komponen yang sangat penting dalam sesuatu program latihan perguruan. Melalui latihan ini, guru pelatih akan dapat menunjukkan dan mengamalkan tingkahlaku yang diinginkan untuk mengajar secara berkesan serta menggunakan segala teori yang telah didedahkan kepada mereka semasa mengikuti kursus pendidikan.

Manakala menurut Zulkifli Abd. Manaf (1994), latihan mengajar merupakan kesempatan bagi guru pelatih untuk menguji teori dan menggunakan ilmu keguruan yang telah dipelajari sekian lama.

Dalam skop kajian KUiTTHO, latihan amali ini dijalankan selama 12 minggu yang merupakan salah satu syarat yang mesti dipatuhi untuk dianugerahkan Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional daripada KUiTTHO.

1.6.4 Sistematik

Mengikut Kamus Dewan (1998), sistematik bermaksud teratur. Merupakan sesuatu cara atau kaedah yang teratur dan lengkap untuk memudahkan lagi sesuatu kerja atau projek dilaksanakan. Oleh itu sistematik yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah kaedah pengurusan latihan mengajar yang dapat menolong pelajar yang bakal menjalani Program Latihan Mengajar.

1.6.5 Efisyen

Mengikut Kamus Dewan (1998) ia didefinisikan sebagai cekap atau terampil. Dalam skop kajian ini efisyen boleh didefinisikan sebagai cekap dan berjalan dengan

BAB

DUA



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB

DUA



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

RUJUKAN

Abdul Raof dan T. Sumbahan Mohd Meerah (1991). "Isu-Isu Latihan Mengajar". Edisi Pertama. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Aminudin Adam dan Md. Arif Md. Zin (1999). "Persepsi Guru Pelatih Kemahiran Hidup Sekolah Rendah Semester 5 Terhadap Keberkesanan Penyeliaan Praktikum." *Jurnal Akademik*.

Baharuddin Aris et. al. (2000). "Siri Modul Pembelajaran Teknologi Pendidikan". Skudai: Universiti Teknologi Malaysia

Best, J. W., & Kahn, J. V. (1998). "*Research in Education*". (8th ed.) London: Allyn & Bacon.

Bowman, N. (1979). "*College Supervision Of Student Teacher: A Research Report*". *British Journal Of Teacher Education*. 5(3). 243-250.

Brunner, J.S (1971). "*The Relevance of Education*". New York : Norton Co.

Buku Persediaan Mengajar, KUiTTHO.

- Ee Ah Meng (1997). "Pedagogi II Pelaksanaan Pengajaran". Edisi Pertama. Shah Alam Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Francis, Wong Hoy Kee dan Paul, Chan Min Phang (1975). "*The Changing Pattern of Teacher Education In Malaysia.*" Kuala Lumpur: Heinemen Educational Books (Asia) Ltd.
- Henry, M.A and Beasley, W.W. (1979). "*Supervising Students Teachers The Professional Way: A Guide For Cooperating Teachers*". Terre Haute: Sycamore Press.
- Kamarudin Hj. Husin (1986). "Panduan Latihan Mengajar." Petaling Jaya: Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan (1998). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lee, Lai Guan et. al. (1999). "Satu Tinjauan Tahap Keperluan Latihan Guru Pelatih Semasa Menjalani Latihan Mengajar." *Jurnal Penyelidikan Pendidikan IPDA*. 2. 37- 63.
- Mohd Najib Abdul Ghaffar (1999). "Penyelidikan Pendidikan". Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Nawī Ab Rahman (2000). "Teras Penyelidikan". Serdang : Universiti Putra Malaysia.
- Morris, J. R. (1978). "*The Effects Of The University Supervisors On The Performance And Adjustment Of Student Teachers*". *Journal Of Educational Research*. April. 67-80.

Neill, S. D. (1993). "*Practice Teaching: Old and Ineffective.*" *Education Canada*. 33. 2
10-13.

Norsiah Ahmad (1998). "Pengurusan Yang Berkesan" *Fakulti Pengurusan Perniagaan,*
UKM.

Sharpe, D.M. (1970). "*A Brief Guide To Secondary School Student Teaching.*" Terre
Haute, IN: Indiana State University.

Suhaimi Ibrahim et. Al, (1999). "Kaedah Penyelidikan". Shah Alam: Penerbit Fajar
Bakti Sdn. Bhd.

Uma Sekaran (1992). "*Research Method For Business: A Skill-Building Approach.*"
2nd. Edition. United State Of Amerika: John Wiley and Sons Inc.

Wan Azmi Ramli (1998). "Pemikiran dalam Pendidikan". Shah Alam: Penerbit Fajar
Bakti Sdn. Bhd.

Zulkipli Abdul Manaf (1994). "Panduan Latihan Mengajar". Edisi Pertama. Petaling
Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

